



SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah program pembiayaan yang dilaksanakan di bawah Program MyBrain15?

Program MyBrain15 terdiri daripada MyMaster dan MyPhD.

2. Siapakah yang layak memohon MyMaster dan MyPhD?

Pemohon mestilah:

- i. Orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap;
- ii. Kakitangan swasta;
- iii. Pensyarah IPTS &
- iv. Kakitangan kerajaan/badan berkanun/Universiti Awam (kontrak/sambilan/semestara)

3. Adakah penjawat awam/badan berkanun/IPTA (berstatus tetap) layak memohon MyMaster dan MyPhD?

Maaf, pada masa ini penjawat awam/badan berkanun/IPTA adalah tidak layak memohon dua program ini.

4. Apakah syarat kelayakan akademik pemohon MyMaster?

Pemohon mestilah memiliki:

- i. Memiliki **Ijazah Sarjana Muda** atau setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan PNGK 3.00 - 4.00 atau setara; atau
- ii. Berumur sekurang-kurangnya 30 tahun dan mendapat Sijil Perakuan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) bagi kemasukan ke program Ijazah Sarjana (tahap 7, Kerangka Kelayakan Malaysia) dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);

5. Berapakah had umur yang layak menerima pembiayaan ini?

Pemohon mestilah Berumur tidak melebihi 35 tahun pada 1 Januari 2016.

6. Apakah syarat kelayakan akademik pemohon MyPhD?

Pemohon mestilah memiliki **Ijazah Sarjana** atau setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan dengan PNGK 3.00 - 4.00 atau setara;

7. Adakah pelajar boleh memohon MyBrain15 jika belum menerima surat tawaran rasmi dari IPT?

Maaf, tidak boleh. Sebelum memohon MyBrain15, pelajar terlebih dahulu perlu memenuhi syarat kemasukan ke IPT dan mendapat surat tawaran rasmi/tawaran penuh untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran dari IPT.

8. Adakah pelajar tajaan MyMaster boleh menerima biasiswa atau pembiayaan lain?

Pelajar yang telah ditaja MyMaster tidak dibenarkan menerima beraswa atau pembiayaan lain. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- Pelajar kategori **orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap** boleh menerima elaun pembantu penyelidik siswazah atau pinjaman pelajaran daripada penaja lain atau pembiayaan tambahan daripada IPT masing-masing, dengan syarat ia bukanlah beraswa penuh.
- Pelajar kategori **kakitangan swasta dan pensyarah PTS** boleh menerima pinjaman pelajaran daripada penaja lain atau pembiayaan tambahan daripada majikan masing-masing, dengan syarat ia bukanlah beraswa penuh.

9. Adakah pelajar tajaan MyPhD boleh menerima beraswa atau pembiayaan lain?

Pelajar yang telah ditaja MyPhD tidak dibenarkan menerima beraswa atau pembiayaan lain. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- Pelajar kategori **orang awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap** tidak boleh menerima sebarang bentuk penajaan dari lain-lain penaja (kecuali pinjaman pelajaran dan elaun pembantu penyelidik siswazah).
- Pelajar kategori **kakitangan swasta dan pensyarah PTS** boleh menerima pinjaman pelajaran daripada penaja lain atau pembiayaan tambahan daripada majikan masing-masing, dengan syarat ia bukanlah beraswa penuh.

10. Adakah pelajar tajaan MyBrain15 boleh menerima pinjaman pelajaran MARA?

Pinjaman pelajaran MARA adalah berbentuk **pinjaman boleh ubah**. Oleh itu, tidak termasuk dalam pengecualian yang diberikan oleh Kementerian. MARA juga tidak membentarkan pelajar tajaannya menerima beraswa atau penajaan lain termasuklah MyBrain15.

11. Apakah mod pengajian yang disyaratkan untuk memohon MyMaster dan MyPhD?

Semua kategori, pemohon perlu mengikuti pengajian secara **sepenuh masa sahaja**.

12. Adakah pelajar yang sedang dalam pengajian layak memohon MyBrain15?

Ya, layak memohon jika masih mempunyai baki pengajian yang layak ditaja sekurang-kurangnya **6 bulan**.

13. Adakah pelajar yang mengikuti pengajian Sarjana dan PhD di IPT luar negara layak untuk memohon MyBrain15?

Maaf, tidak layak memohon. MyBrain15 hanya menaja pelajar yang mengikuti pengajian peringkat Sarjana dan PhD di IPTA dan IPTS **dalam negara** sahaja. Senarai IPTA dan IPTS tersebut boleh didapati di laman web MyBrain15.

14. Adakah pelajar bertaraf penduduk tetap (PR) Malaysia layak memohon MyBrain15?

Maaf, tidak layak memohon. MyBrain15 terbuka kepada **warganegara Malaysia** sahaja.

15. Apakah bentuk pembiayaan yang layak diterima oleh pelajar tajaan MyMaster?

Pelajar layak dibayar yuran pengajian sahaja tidak melebihi **RM10,000** untuk keseluruhan tempoh pembiayaan yang diluluskan. Pelajar juga layak dibayar **elaun bantuan tesis** jika masih mempunyai baki daripada jumlah yuran yang diperuntukan.

16. Apakah bentuk pembiayaan yang layak diterima oleh pelajar tajaan MyPhD?

Pelajar layak dibayar yuran pengajian tidak melebihi **RM24,000** untuk keseluruhan tempoh pembiayaan yang diluluskan. Pelajar juga layak dibayar **elaun bantuan tesis dan jurnal** jika masih mempunyai baki daripada jumlah yuran yang diperuntukan. Jika tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap dan mengikuti pengajian secara sepenuh masa, pelajar layak menerima **elaun sara hidup** sebanyak **RM2,300** sebulan (**pelajar tajaan bawah RMK10**) dan **RM1,800** sebulan (**pelajar tajaan tahun 2016**).

17. Apakah bidang tajaan MyMaster dan MyPhD?

Semua bidang pengajian.

18. Bagaimanakah tempoh pembiayaan MyBrain15 ditetapkan?

Tempoh tajaan MyBrain15 dikira bermula pada semester semasa bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian atau mengikut surat tawaran IPT bagi pelajar yang belum memulakan pengajian. Jika pelajar memohon MyBrain15 di akhir sesuatu semester, pelajar akan ditaja mulai semester berikutnya.

19. Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon MyMaster?

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Salinan kad pengenalan pemohon yang disahkan;
- Salinan transkrip Ijazah Sarjana Muda atau Sijil Perakuan Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) bagi kemasukan ke program Ijazah Sarjana (tahap 7, Kerangka Kelayakan Malaysia) dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA);
- Salinan surat tawaran kemasukan ke IPT berstatus penuh (tidak bersyarat);
- *Research proposal* yang telah disahkan oleh penyelia (wajib bagi mod penyelidikan); and

- Borang Pengesahan Maklumat Pemohon yang perlu dimuat turun dari laman web MyBrain15 dan dokumen sokongan lain yang dinyatakan dalam borang tersebut.

20. Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon MyPhD?

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Salinan kad pengenalan pemohon;
- *Research proposal* yang telah disahkan oleh penyelia mengikut format yang telah ditetapkan oleh Bahagian Biasiswa, KPT (wajib bagi mod penyelidikan);
- Salinan transkrip Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda;
- Salinan surat tawaran kemasukan ke IPT berstatus penuh (tidak bersyarat); dan
- Borang Pengesahan Maklumat Pemohon yang perlu dimuat turun dari laman web MyBrain15 dan dokumen sokongan lain yang dinyatakan dalam borang tersebut.

21. Bagaimanakah cara untuk memohon MyBrain15?

Permohonan **MyMaster** dan **MyPhD** perlu dibuat secara atas talian (*online*) melalui laman web MyBrain15 <https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrain15/v2/index.php>. Permohonan secara manual tidak akan diterima.

22. Pelajar gagal memohon kerana “masih dalam tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia”. Apakah yang perlu dilakukan?

Kebiasanya pelajar berkenaan pernah ditaja oleh Bahagian Biasiswa di bawah skim lain, sebagai contoh Bajet Mini 2009 dan pelajar tidak memaklumkan Bahagian Biasiswa beliau telah tamat belajar. Oleh itu, pelajar perlu memaklumkan Bahagian Biasiswa dengan mengemukakan skrol pengijazahan dan transkrip penuh pengajian atau surat pengesahan tamat pengajian oleh pihak IPT. Pelajar akan dibenarkan memohon selepas rekod dikemaskini.

23. Bagaimanakah untuk mengatasi masalah saiz dokumen terlalu besar semasa upload?

Sila *compress* dokumen pdf tersebut dengan menggunakan aplikasi berikut sehingga mencapai saiz yang ditetapkan:

- <http://docupub.com/pdfcompress/> atau
- <http://convert.neevia.com/pdfcompress/>

24. Adakah pelajar perlu mencetak Borang Permohonan MyMaster/MyPhD yang dibuat secara atas talian (Online) tersebut?

Ya, pemohon yang berjaya perlu mencetak dan menandatangani Borang Permohonan MyMaster/MyPhD tersebut dan dikemukakan bersama-sama dokumen lain dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran Program MyMaster/MyPhD.

25. Bilakan keputusan permohonan MyMaster dan MyPhD akan dimaklumkan?

Keputusan permohonan MyMaster dan MyPhD akan dimaklumkan dalam masa 7 hari bekerja selepas **Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa Program MyBrain15**.

26. Bagaimanakah keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon?

Pelajar akan dimaklumkan melalui emel dan sistem pesanan ringkas (sms). Oleh itu, setiap pelajar perlu memastikan **alamat emel dan no telefon bimbit** yang diisi di dalam sistem permohonan atas talian adalah terkini dan aktif. Pelajar juga dinasihatkan untuk menyemak laman web MyBrain15 dari semasa ke semasa.

27. Adakah pelajar perlu kemukakan salinan *hardcopy* selepas permohonan *online* dibuat?

Tidak perlu. Pemilihan akan dibuat berdasarkan kepada dokumen dan maklumat yang dimuat naik dalam sistem permohonan *online* sahaja. Oleh itu, sila pastikan permohonan adalah lengkap dan betul sebelum pemohon menekan butang sah dan hantar. Sebarang pembetulan selepas pengesahan penghantaran dibuat adalah tidak boleh dipinda sehingga keputusan diumumkan.

28. Jika berjaya mendapat tawaran, apakah yang pelajar perlu lakukan?

Pelajar dinasihatkan untuk melaksanakan perkara berikut:

- Sila baca dan faham setiap syarat dan terma yang terkandung dalam surat tawaran dan perjanjian;
- Sila serahkan **satu (1) salinan** surat tawaran kepada Bendahari dan Sekolah Pengajian Siswazah IPT. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan kelewatan tuntutan yuran pengajian oleh pihak Bendahari IPT;
- Sila kemukakan semua dokumen yang diperlukan seperti salinan perjanjian, kad pengenalan, transkrip, *research proposal*, borang maklumat bank, dsb (rujuk borang senarai semak dokumen tawaran MyBrain15) kepada Bahagian Biasiswa dalam tempoh **14 hari** dari tarikh surat tawaran. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran terbatal;
- Sila rujuk garis panduan mengisi perjanjian di laman web MyBrain15 bagi memastikan perjanjian dilengkapkan dengan sempurna. Perjanjian yang bermasalah akan dikembalikan kepada pelajar dan akan menyebabkan kelewatan pembayaran yuran pengajian dan elauan sara hidup (ESH); dan
- Sila pastikan **invois** yuran pengajian bagi setiap semester dihantar ke Bahagian Biasiswa. Pelajar boleh semak status bayaran melalui lejer online https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrain15/v2/index_login.php

29. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan kepada Bahagian Biasiswa?

Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- Salinan Surat Tawaran Program MyMaster/MyPhD;
- **Satu (1)** keping gambar pemohon berukuran passport;
- Borang Permohonan *Online* MyMaster/MyPhD yang telah diitandatangani;

- **Satu (1)** salinan Kad Pengenalan pemohon yang telah disahkan;
- *Research proposal* yang telah disahkan oleh penyelia (wajib bagi mod penyelidikan);
- Salinan transkrip akademik tertinggi (*Ijazah Sarjana Muda/Sarjana*) yang telah disahkan;
- Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT yang telah disahkan;
- Borang Pengesahan Maklumat Pemohon Program MyBrain15 yang telah dilengkapkan;
- Slip/dokumen pengesahan pendaftaran pengajian di IPT (bagi MyPhD **kategori P1** sahaja);
- **Tiga (3)** set Perjanjian yang telah dilengkapkan dan dimatikan setem;
- **Satu (1)** salinan Kad Pengenalan penjamin yang telah disahkan; dan
- Borang Maklumat Bank dan salinan muka depan buku akaun/penyata Bank Islam yang telah disahkan (bagi MyPhD **kategori P1** sahaja).

30. Siapakah yang layak menjadi saksi kepada pelajar dan penjamin?

Saksi mestilah **warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia**. Senarai saksi adalah seperti berikut:

- (i) Penjawat awam/badan berkanun yang menjawat jawatan tetap daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 dan ke atas). Contoh pegawai badan berkanun adalah Pensyarah, Pendaftar dan Bendahari di IPTA;
- (ii) Penggawa/Penghulu/Ketua Kampung/Ketua Masyarakat/Sidang/Pegawai Pembangunan Mukim/Pengerusi JKJKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) yang mempunyai cop jawatan rasmi; dan
- (iii) Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman seperti Majistret dan Peguam yang berkhidmat dengan Kerajaan sahaja.

31. Siapakah yang layak menjadi penjamin kepada pelajar?

Penjamin mestilah memenuhi syarat seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia;
- (ii) Pendapatan mestilah tidak kurang daripada **RM500.00** sebulan;
- (iii) Hendaklah seseorang yang **tidak** muflis/bankrap/mempunyai rekod jenayah; dan
- (iv) Penjamin hendaklah berumur tidak melebihi **45 tahun** kecuali ibu bapa atau penjaga yang sah.

32. Organisasi manakah yang layak untuk mematikan setem hasil bagi dokumen perjanjian?

Setem hasil boleh dimatikan di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

33. Berapa lamakah proses pembayaran elaun sara hidup (ESH) MyPhD?

ESH akan diproses selepas semua dokumen seperti salinan perjanjian, kad pengenalan, transkrip, *research proposal*, borang maklumat bank, dsb. lengkap diterima dan biasanya mengambil masa **2 hingga 3 bulan** dari tarikh surat tawaran.

34. Bilakah yuran pengajian akan dibayar?

Bayaran yuran akan diproses selepas semua dokumen seperti salinan perjanjian, kad pengenalan, transkrip, *research proposal*, dsb. lengkap diterima dan selepas Bahagian Biasiswa menerima **invois** daripada Bendahari IPT.

35. Bagaimanakah pembayaran yuran pengajian akan dibuat kepada pelajar?

Yuran pengajian akan dibayar oleh Bahagian Biasiswa terus kepada pihak IPT setelah menerima tuntutan/invois daripada pihak Bendahari IPT. Bayaran yuran tidak akan dibuat kepada pelajar.

36. Jika pelajar telah membuat bayaran yuran kepada IPT, adakah yuran tersebut boleh dituntut semula dan apakah prosedurnya?

Ya, boleh dituntut semula jika yuran tersebut termasuk dalam tempoh pembiayaan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, pelajar perlu membuat tuntutan bagi yuran tersebut dengan pihak Bendahari IPT yang seterusnya akan mengemukakan invois ke Bahagian Biasiswa. Pembayaran yuran akan dibuat kepada pihak IPT sahaja dan bukan kepada pelajar.

37. Jika tempoh pembiayaan telah tamat tetapi masih ada baki daripada peruntukan yang ditetapkan, adakah baki tersebut akan dibayar kepada pelajar?

Bayaran yuran pengajian, elaun bantuan tesis dan elaun bantuan jurnal dibuat berdasarkan kepada siling peruntukan yang telah ditetapkan dan juga tempoh pembiayaan. Oleh itu, jika terdapat baki daripada peruntukan, baki tersebut tidak akan dibayar kepada pelajar.

38. Adakah pelajar tajaan MyPhD perlu bekerja dengan Kerajaan selepas menamatkan pengajian?

Pelajar MyPhD tidak terikat untuk bekerja dengan Kerajaan selepas menamatkan pengajian. Sebaliknya, mereka hanya dikehendaki untuk berkhidmat di Malaysia atau mana-mana organisasi yang mempunyai kepentingan kepada Malaysia selama **5 tahun**. Oleh itu, mereka boleh bekerja di sektor awam atau swasta.

39. Apakah prosedur untuk membuat tuntutan elaun bantuan tesis?

Elaun bantuan tesis hanya boleh dituntut jika peruntukan yuran masih berbaki serta setelah tesis disahkan lengkap dan selepas viva. Tuntutan boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian dengan mengemukakan dokumen berikut ke Bahagian Biasiswa:

- Borang tuntutan elaun bantuan tesis yang telah dilengkappan;
- Satu (1) salinan tesis (*hard cover*);
- Borang Maklumat Bank berserta slip mengandungi nombor akaun bank;
- Salinan surat pengesahan tamat pengajian daripada pihak IPT;
- Salinan transkrip penuh dan skrol pengijazahan (jika telah konvokesyen); dan
- Salinan transkrip dan keputusan peperiksaan semester akhir (jika belum konvokesyen).

40. Adakah pelajar mod kerja kursus layak membuat tuntutan elaun bantuan tesis?

Maaf, tidak layak. Elaun bantuan tesis layak diberikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian secara **mod penyelidikan** dan **mod campuran** sahaja. Bahagian Biasiswa akan merujuk kepada surat tawaran rasmi IPT dan bukannya kepada pengakuan pelajar.

41. Apakah prosedur untuk membuat tuntutan elaun bantuan jurnal?

Elaun bantuan jurnal hanya boleh dituntut jika peruntukan yuran masih berbaki serta setelah jurnal diterbitkan. Pelajar boleh membuat tuntutan lebih daripada satu (1) jurnal dan tuntutan hanya boleh dibuat sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian dengan mengemukakan dokumen berikut ke Bahagian Biasiswa:

- Borang tuntutan elaun bantuan jurnal yang telah dilengkapkan;
- Salinan jurnal (*hardcopy*);
- Resit asal bayaran atas nama pelajar; dan
- Borang Maklumat Bank beserta slip mengandungi nombor akaun bank.

42. Berapa lamakah proses pembayaran elaun tesis dan jurnal?

Elaun tesis dan jurnal akan diproses selepas semua dokumen lengkap diterima dan biasanya mengambil masa **2 hingga 3 bulan** dari tarikh permohonan diterima. Sekiranya permohonan adalah tidak lengkap Kementerian akan memaklumkan hal ini kepada pemohon.

43. Adakah pelajar layak memohon pelanjutan?

Maaf, tidak layak. Mulai 1 Januari 2016, pelajar tajaan MyBrain15 adalah tidak layak untuk memohon pelanjutan tempoh penajaan.

44. Adakah pelajar dibenarkan untuk membuat pertukaran kursus, peringkat pengajian, mod pengajian, IPT, tajuk penyelidikan atau penangguhan pengajian?

Pelajar tidak dibenarkan untuk membuat pertukaran kursus, peringkat pengajian, mod pengajian, IPT, tajuk penyelidikan atau penangguhan pengajian tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Bahagian Biasiswa. Sebarang permohonan perlu dibuat secara bertulis dan mempunyai justifikasi yang kukuh serta disokong oleh dokumen sokongan yang sesuai. Kegagalan pelajar untuk mendapatkan kelulusan boleh menyebabkan pembayaran yang diberikan ditamatkan dan pelajar akan dikehendaki untuk membayar balik apa-apa kos yang telah dibayar oleh Kementerian.

45. Adakah pelajar kategori Kakitangan Swasta/Pensyarah IPTS/Kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun/Universiti Awam yang berstatus kontrak/sambilan/semestara boleh membuat pertukaran kategori kepada Orang Awam yang tidak bekerja dan tidak berpendapatan tetap?

Maaf, tidak layak. Mulai Januari 2016, pelajar tajaan MyBrain15 adalah tidak layak untuk memohon Permohonan pertukaran kategori pemohon.

46. Adakah pelajar tajaan Program MyMaster boleh membuat pertukaran (naik taraf) terus kepada Program MyPhD?

Ya pelajar layak untuk memohon pertukaran, dimaklumkan bahawa bagi permohonan untuk pertukaran/dinaik taraf daripada MyMaster ke MyPhD, proses pertukaran tersebut akan dibuat secara terus oleh Bahagian Biasiswa dan anda tidak perlu untuk memohon kembali sebagai pemohon MyPhD, akan tetapi:

- i. Sekiranya anda telah mendapat pembiayaan MyMaster sebelum ini, tempoh tajaan bagi MyPhD hanya melibatkan tempoh tajaan berbaki dari tempoh tajaan MyMaster sebelum ini dan Perjanjian Tambahan akan dibuat bersama dengan pelajar, Bahagian Biasiswa dan penjamin.

Sebagai contoh tempoh pembiayaan MyMaster yang anda telah mendapat tajaan ialah selama 12 bulan (2 sem). Maka, tempoh tajaan berbaki bagi MyPhD ialah 36 bulan (maksimum penajaan MyPhD) ditolak dengan 12 bulan tersebut, baki tempoh tajaan yang diperolehi hanya 24 bulan (4 sem) sahaja.

- ii. Pilihan yang ada ialah sama ada anda:

- a) Meneruskan pembelajaran Master sehingga tamat dan selepas itu memohon semula bagi mendapatkan tajaan MyPhD (sehingga maksimum penajaan 36 bulan) atau;
- b) Memohon untuk menaik taraf dan mendapat tempoh tajaan berbaki. Permohonan ini memerlukan:
 - Surat fomal daripada anda bagi permohonan ini;
 - surat pengesahan bagi pertukaran / penaikan taraf daripada pihak IPT anda; dan
 - kajian penyelidikan (proposal) yang baru bagi program PhD; dan
 - dokumen-dokumen lain yang berkaitan (jika ada).

47. Adakah pelajar perlu menghantar *research proposal* yang baru jika membuat pertukaran tajuk penyelidikan?

Ya, pelajar perlu mengemukakan *research proposal* baru yang telah disahkan oleh penyelia ke Bahagian Biasiswa.

48. Semasa dalam tempoh penangguhan pengajian, adakah yuran pengajian dan ESH akan dibayar kepada pelajar?

Bahagian Biasiswa tidak akan membuat apa-apa bayaran yuran pengajian dan ESH semasa dalam tempoh penangguhan. Jika bayaran telah dibuat, IPT dan pelajar akan dikehendaki untuk membuat bayaran balik ke Bahagian Biasiswa.

49. Adakah pelajar tajaan MyBrain15 layak untuk membuat tuntutan bagi kos pembentangan kertas kerja di mana-mana persidangan sama ada dalam atau luar negara?

Maaf, tidak layak kerana kos tersebut tidak termasuk dalam pembiayaan yang diluluskan.

50. Adakah pelajar dibenarkan membuat penyelidikan sangkutan di luar negara?

Pelajar perlu memohon kebenaran secara bertulis dengan Bahagian Biasiswa. Walau bagaimanapun, sebarang perbelanjaan bagi penyelidikan sangkutan tersebut tidak termasuk dalam pembiayaan yang diluluskan.

51. Bilakah Laporan Kemajuan Pelajar perlu dikemukakan ke Bahagian Biasiswa

Laporan tersebut perlu dikemukakan ke Bahagian Biasiswa setiap kali berakhirnya sesuatu semester. Bahagian Biasiswa berhak untuk tidak membayar yuran dan ESH jika pelajar gagal mengemukakan laporan tersebut dalam tempoh yang sepatutnya.

52. Apakah perkara yang boleh menyebabkan Perjanjian MyMaster ditamatkan?

a. Melanggar syarat tawaran dan terma Perjanjian, antaranya seperti berikut:

- Memalsukan maklumat semasa memohon;
- Menerima jawatan sebagai penjawat awam/badan berkanun;
- Menarik diri atau berhenti dari meneruskan pengajian;
- Menangguh pengajian tanpa kebenaran;
- Ditamatkan pengajian oleh pihak IPT;
- Gagal dalam pengajian; dan
- Menerima biasiswa lain.

53. Apakah perkara yang boleh menyebabkan Perjanjian MyPhD ditamatkan?

a. Melanggar syarat tawaran dan terma Perjanjian, antaranya seperti berikut:

- Memalsukan maklumat semasa memohon;
- Menerima jawatan sebagai penjawat awam/badan berkanun;
- Berhenti dari meneruskan pengajian;
- Ditamatkan pengajian oleh pihak IPT;
- Gagal dalam pengajian;
- Menerima biasiswa lain; dan
- Berhijrah ke negara lain dalam tempoh perjanjian.

54. Jika pelajar ingin menamatkan pembiayaan, apakah yang perlu dilakukan? Adakah beliau akan dikenakan tindakan ganti rugi?

Pelajar perlu memaklumkan Bahagian Biasiswa secara bertulis. Pembiayaan pelajar akan ditamatkan dan beliau akan dikehendaki membayar balik kos yang telah dibayar oleh Kementerian. Jika gagal, tindakan perundungan akan diambil dan pelajar juga tidak akan ditaja di bawah program/skim penajaan Kementerian yang lain sehingga bayaran dibuat.

55. Adakah pelajar yang berjaya menerima pembiayaan MyBrain15 perlu menjelaskan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)?

Ya, pelajar perlu menjelaskan bayaran minimum Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) bagi membolehkan pelajar menerima atau menolak tawaran pembiayaan MyMaster/MyPhD. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Surat Tawaran MyMaster/MyPhD tidak boleh dicetak secara atas talian.

56. Berapa lamakah masa yang diambil selepas menjelaskan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)?

Pelajar-pelajar yang menjelaskan bayaran minimum PTPTN boleh mencetak Surat Tawaran MyMaster/MyPhD dalam tempoh 3 hari (hari bekerja) selepas bayaran dibuat (tertakluk kepada semakan PTPTN).

Bahagian Biasiswa
Kementerian Pendidikan Tinggi
Putrajaya

26 Februari 2016